

BERITA HARIAN

DATE: 28/08/2007

Anasir porak-peranda perpaduan perlu dijauhi

BH-28/8/2007

Golongan cuba runtuh identiti negara tak perlu diberi ruang: PM

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat tidak membenarkan mana-mana pihak cuba meruntuhkan identiti murni dan perpaduan negara yang dikecapi selama ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan golongan berfikiran negatif itu seolah-olah menafikan kerjasama dan toleransi antara rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini.

“Masih banyak cakap-cakap dan tindakan mengapi-apikan bertujuan mencetuskan konfrontasi dan kita tidak seharusnya membenarkan mereka berjaya.

“Kita tidak seharusnya memberi ruang kepada golongan ini untuk meruntuhkan identiti negara dan per-

paduan kita selama ini,” katanya ketika melancarkan Anugerah Merdeka yang dirintis ahli gabungan pengasas membabitkan Petronas, ExxonMobil dan Shell sempena meraikan sambutan ulang tahun ke-50 Kemerdekaan negara di sini, malam tadi.

Anugerah itu yang akan mula disampaikan tahun depan turut menyaksikan penubuhan tabung amanah membabitkan dana RM50 juta.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeane Abdullah; Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican; Pengerusi Anak Anak Syarikat ExxonMobil Malaysia, Liam Mallon dan Pengerusi Shell Malaysia, Datuk Saw Choo Boon.

Abdullah berkata, dengan adanya tanggapan bahawa matlamat perpaduan nasional belum tercapai, bermakna banyak usaha yang perlu te-

rus dilaksanakan untuk membuktikan keadaan sebaliknya.

Bagaimanapun, beliau berbangga kerana rakyat berjaya menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa Malaysia akan mengalami kejatuhan kerana faktor ekonomi dan penjajahan.

Sambil menyatakan ada ramai golongan seumpama itu dalam atau di luar negara, Perdana Menteri berkata, setakat ini Malaysia mampu menepis tohmahan yang dilemparkan dan terus mengejar matlamat serta merangka sasaran pembangunan negara.

“Banyak pihak yang berfikiran negatif gemar memburukkan negara kononnya Malaysia sebuah negara yang tidak efisien, tidak berintegriti dan pelbagai lagi.

“Malah, saya masih ingat beberapa tahun lalu imej buruk yang sama

dilemparkan mengenai negara ini yang dikatakan akan jatuh dalam genggaman komunis atau tersungkur selepas krisis ekonomi melanda seperti permainan domino.

“Bagaimanapun, rakyat Malaysia berjaya membuktikan tanggapan golongan itu salah, malah beberapa kali ramalan dibuat mengenai kejatuhan Malaysia berjaya disangkal,” katanya.

Abdullah berkata, pencapaian cemerlang Malaysia setakat ini kerana sentiasa berpegang pada nilai murni yang diasaskan pejuang kemerdekaan negara, sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik.

Katanya, sebenarnya menerusi nilai positif diterap dan dipraktikkan seperti semangat toleransi sesama kaum, integriti dan dedikasi Malaysia kekal unik sehingga sekarang,